

*Isu Kontemporer*  
*dalam Psikologi dan Kaunseling*

*Isu Kontemporari*  
*dalam Psikologi dan Kaunseling*

**Editor**

**En. Mohd Shahrul Kamaruddin**

**Dr. Aini Azeqa Ma'rof**

**Dr. Merikan Aren**

**Dr. Jamayah Salli**

Cetakan Pertama 2020  
© PEKAMARA

## **ISU KONTEMPERORI DALAM PSIKOLOGI DAN KAUNSELING**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juapun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis dan penerbitan terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*

### **PERSATUAN KAUNSELING & PSIKOLOGI MARA MALAYSIA (PEKAMARA)**

Bahagian Sumber Manusia  
Tingkat 18, Ibu Pejabat MARA, 21  
Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur  
Tel: 03-26134390

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

MI Yusran Enterprise

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Isu Kontemperori dalam Psikologi dan Kaunseling  
ISBN 978-967-18590

## KANDUNGAN

### PRAKATA

1	Kaunseling untuk Kaunselor: Faktor Penggalak Kaunselor MARA untuk Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling. <i>Mohd Shahrul Kamaruddin &amp; Jamayah Saili</i>	1
2	Persepsi Pekerja Khidmat Sokongan terhadap Perkhidmatan Kaunseling: Kajian Kualitatif di Syarikat Swasta, Kuching. <i>Iffah Rhadiyah Mohamad Haikal &amp; Jamayah Saili</i>	24
3	Meneroka Jenis Sistem Sokongan dan Keperluan Kaunseling dalam Kalangan Ibu Bapa Cacat Penglihatan Membesarkan Anak-Anak. <i>Khairunnisa Binti Sahdan &amp; Jamayah bt Saili</i>	31
4	Pemeriksaan Psikologi Pendorong Utama kepada Kepuasan Kerja. <i>Aini Azeqa Ma'rof &amp; Muhamad Naim Abdul Halim</i>	48
5	Tekanan Kerja dan Cara Mengatasi dalam Kalangan Pekerja Khidmat Sokongan: Kajian Kualitatif di Syarikat Swasta, Kuching. <i>Iffah Rhadiyah Mohamad Haikal &amp; Jamayah Saili</i>	61
6	Kebimbangan dan Daya Tindak dalam Kalangan Masyarakat Malaysia Mendepani Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Covid -19. <i>Persatuan Kaunselor MARA (PEKAMARA)</i>	91
7	Implikasi Ketagihan Pornografi Internet ke atas Psikologi Individu. <i>Aini Azeqa Ma'rof &amp; Nur Hafizah Yahaya</i>	105
8	Penerokaan Kesan Penceraian Iubapa terhadap Remaja Sekolah Menengah di Kawasan Luar Bandar di Sarawak. <i>Rabeka ak Kassan</i>	117
9	Kesan Psikologikal Pandemik <i>Novel Coronavirus</i> (Covid-19) terhadap Pelajar Pengajian Tinggi di Malaysia. <i>Hilda ak Lampung</i>	132
10	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Personaliti S'lin bagi Tret Kejujuran. <i>Dayang Azlin Awang Ayub &amp; Merikan Aren</i>	141

Biodata Penyumbang

## **PRAKATA DARI MEJA SIDANG EDITOR**

### **Bismillahirrahmanirrahim dan Salam Hormat,**

Kaunselor dan ahli psikologi berperanan sebagai pembentuk masyarakat berilmu dan pencetus inspirasi ke arah melahirkan generasi modal insan yang berpengetahuan tinggi, berdaya saing dan berkeyakinan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, teknologi dan keusahawanan. Maka untuk membawa sistem pendidikan khususnya dalam penambahbaikan dan peningkatan kualiti memartabatkan bidang psikologi dan kaunseling, menjadi satu usaha semua pihak yang terlibat dalam pengkhususan ini.

Wacana isu kontemporari dalam psikologi dan kaunseling ialah satu platform dalam memberi peluang kepada para penyelidik dan pengamal untuk perkongsian ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam bidang isu kontemporari dalam psikologi dan kaunseling. Selain itu, adalah menjadi misi PEKAMARA untuk menerapkan ilmu penyelidikan dan penulisan di kalangan pengamal dalam bidang psikologi dan kaunseling secara umum dan khususnya kaunselor MARA. Penerbitan isu kontemporari dalam psikologi dan kaunseling ini bertujuan untuk mengetengahkan hasil penyelidikan dan penulisan yang telah dijalankan secara individu atau berkolaborasi dengan pendidik-pendidik dari luar institusi Pendidikan MARA.

Isu kontemporari dalam psikologi dan kaunseling ini telah memuatkan sepuluh bab buku berbentuk kajian dan kertas konseptual. Kajian dan kertas konsep ini adalah membincangkan secara lansung isu-isu kontemporari dalam psikologi dan kaunseling yang relevan dengan negara kita. Diharapkan buku isu kontemporari dalam psikologi dan kaunseling ini boleh dijadikan panduan serta bahan wacana ilmiah yang mampu mencetus idea dalam penguasaan kaedah serta keperluan dalam bidang psikologi dan kaunseling.

Akhir kata sidang editor ingin mengucapkan penghargaan kepada PEKAMARA kerana telah memberikan kepercayaan kepada kami untuk menyunting serta menyumbang artikel dalam buku ini. Semoga ianya menjadi pencetus inspirasi kepada lebih ramai pembaca diluar. Akhir sekali, kami dari sidang editor dan penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas usaha dan sokongan yang diberikan sehingga terhasil Buku Isu Kontemporari dalam Psikologi dan Kaunseling.

**Mohd Shahrul Kamaruddin**  
**Aini Azeqa Ma'rof, PhD**  
**Merikan Aren, PhD**  
**Jamayah Saili, PhD**

Oktober, 2020

## **PRAKATA PRESIDEN PEKAMARA**

### **Sekapur Sireh Seulas Pinang**

Buku ini ditulis adalah dengan harapan untuk memenuhi keperluan bahan bacaan yang amat terbatas berkaitan dengan isu-isu kontemporari psikologi dan kaunseling dalam Bahasa Melayu. Buku ini memberikan deskripsi latar belakang dan ciri-ciri yang jelas serta cuba menyeimbangkan pelbagai budaya dan bangsa termasuklah kaum etnik Sabah dan Sarawak. Tidak dapat dinafikan penyelidikan kualitatif dan juga semakin menjadi perhatian dalam kalangan penyelidik dan pendidik dalam pelbagai bidang terutama psikologi dan kaunseling. Ianya umpama irama dan lagu antara penulisan berbentuk kualitatif dan kuantitatif terutama dalam bidang sains sosial.

Penghasilan Buku Isu-Isu Kontemporari Psikologi dan Kaunseling ini merupakan jalinan dan gabungan antara dua disiplin ilmu psikologi dan kaunseling yang sukar untuk dipisahkan. Namun disatukan menjadikan satu naskah buku untuk panduan pembaca dan pengemar ilmu dalam pelbagai bidang. Ianya telah ditulis oleh gabungan penulis yang berpengalaman dan juga penulis muda yang berkemahiran agar maksud yang ingin disampaikan dapat difahami oleh semua pembaca. Penggunaan bahasa yang mudah, santai serta tidak terlalu ilmiah menjadikan keunikan pada buku ini untuk dibaca dan difahami. Mengambil kira semua aspek penyelidikan kualitatif, kuantitatif dan juga kertas konsep bagi memberikan variasi kepada para pembaca. Terdapat beberapa penyelidikan bagi memenuhi tujuan ilmiah turut dimuatkan sebagai garis panduan kepada pembaca.

Di samping itu, isu semasa semasa turut dibincangkan sebagai garis panduan kepada pembaca untuk untuk mendalami dan memahami tujuan penyampaian buku ini diterbitkan. Ianya telah disusun mengikut bab yang menarik dan saling berhubung antara satu sama lain bagi memberikan gambaran yang luas terhadap isu semasa dalam bidang psikologi dan kaunseling yang mendasari kesesuaian dan paradigma psikologi dan kaunseling.

PEKAMARA merakamkan ucapan sekalung tahniah kepada sidang editor dan semua penulis yang telah menghasilkan satu karya yang menarik serta kupasan yang mendalam dalam bidang psikologi dan kaunseling serta mampu memberikan memberikan inspirasi dan dorongan kepada para pembaca. Buat para pembaca saya juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan semoga buku ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang bermakna seterusnya memahami fenomena dan isu-isu kehidupan dengan lebih baik lagi dalam mendepani norma kehidupan baharu akibat penularan Covid 19 ini. Selamat membaca sekali lagi saya ucapkan.

**Johari bin Md Salim KB.PA**

Presiden

Persatuan Kaunseling & Psikologi MARA Malaysia (PEKAMARA)

## **KAUNSELING UNTUK KAUNSELOR: FAKTOR-FAKTOR PENGGALAK KAUNSELOR MARA UNTUK MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KAUNSELING**

*Mohd Shahrul Kamaruddin & Jamayah Saili*

### **ABSTRAK**

Perkhidmatan kaunseling biasanya diberikan oleh kaunselor kepada golongan sasaran tertentu seperti pelajar, ibu bapa dan juga masyarakat. Namun kajian ini pula adalah untuk melihat kesediaan kaunselor itu sendiri untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk temu bual semi struktur dalam kalangan 8 orang kaunselor yang sedang berkhidmat di Institut Kemahiran MARA. Skop kajian berkisar kepada faktor-faktor penggalak kaunselor MARA untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Data telah dianalisis menggunakan kaedah analisis bertema. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor-faktor penggalak kaunselor MARA untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling adalah seperti jenis perkhidmatan kaunseling, faktor terapeutik dalam kaunseling, jenis masalah yang dihadapi, manfaat perkhidmatan kaunseling dan kepercayaan terhadap kompetensi kaunselor. Sehubungan itu, kajian lanjut berkenaan dengan kaunseling untuk kaunselor turut dicadangkan.

**Kata kunci:** Kaunselor, kesediaan, kaunseling, perkhidmatan kaunseling.

### **PENGENALAN**

Perkhidmatan kaunseling menjadi agenda utama apabila individu berhadapan dengan masalah psikologi. Kaunselor bertanggungjawab membantu individu bagi mengenalpasti matlamat dan potensi penyelesaian sebarang isu atau masalah yang disebabkan oleh ketidakstabilan psikologi, meningkatkan konsep sendiri serta mempromosi perubahan tingkahlaku dan kesihatan mental yang optimal (*American Counseling Association*, 2016). Namun demikian, kaunselor sebagai manusia biasa juga tidak lari dari berhadapan dengan isu-isu dalam kehidupan. Persoalannya, sejauh manakah kaunselor akan mendapatkan bantuan kaunseling?

Kajian lepas mendapati masih kurang kajian yang menyumbang kepada aspek kesediaan kaunselor untuk mendapatkan bantuan perkhidmatan kaunseling kerana kebanyakan kajian adalah berfokus kepada isu atau masalah psikologi yang dialami oleh kaunselor itu sendiri seperti *burnout*, stress dan tekanan (Christopher, Kerne, Valerie Van Horn, Calfa, Nicolina, Lambert, Richard, Guzman & Michele, 2010; Wardle & Mayorga, 2016).

Selain itu, kebanyakan kajian yang berkaitan dengan kaunselor dijalankan di dalam negara misalnya tertumpu kepada kaunselor sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (Bali, & Othman, 2017; Manchelah Natesan, 2017; Nova Erlina Yaumas, Syafrimen Syafril,